

# 30 staf UMSKAL hadiri Kursus Protokol dan Etiket Sosial

NST 29.10.2015 4

LABUAN: Kira-kira 30 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengikuti Kursus Protokol dan Etiket Sosial selama dua hari yang berkahar pada Selasa.

Kursus berkenaan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif Aras 11, Bangunan MenaraUMSKAL, dikendalikan oleh penceramah berpengalaman dari Institut Penyia-

ran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR), Siti Meriam Hussein.

Skop ceramah yang disampaikan merangkumi imej dan keterampilan diri, tata cara menghias diri, tata cara menghadiri majlis dan tertib di meja makan.

Selain itu, etika berpakaian semasa menghadiri majlis, penampilan diri dan berpakaian ke pejabat, protokol dalam

pengurusan majlis, peranan penyambut tetamu, peranan pegawai pengiring dan pengacara majlis turut diterangkan.

Beliau berharap kakitangan UMSKAL akan lebih peka dalam mengurus diri dan majlis rasmi kerajaan termasuk majlis universiti.

Katanya, sesuatu majlis itu akan berjalan lancar jika semua kakitangan dan pe-

gawai yang dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa (AJK) pelaksana menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan bersungguh-sungguh.

"Kejayaan dan kegagalan sesuatu majlis akan menggambarkan imej organisasi terbabit sebagai penganjurnya," katanya. - OLÉH JAİNUDIN DJIMIN - [jainudin@news-abahtimes.com.my](mailto:jainudin@news-abahtimes.com.my)



BERSAMA PESERTA ... Siti Meriam (lima kanan) bersama peserta Kursus Protokol dan Etiket Sosial di UMS Kampus Antarabangsa Labuan, pada Selasa.